


Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan industri pelancongan di negara kita.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang industri pelancongan di negara kita.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Sektor pelancongan merupakan satu sektor yang memberi sumbangan besar kepada ekonomi dan pembangunan negara Malaysia. Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Datuk Musa Yusof berkata terdapat 9.16 juta kedatangan pelancong pada tahun 2023 dan menjadikan Malaysia berada di tempat kedua setelah Thailand berbanding pesaing-pesaing di rantau Asia Tenggara.



pelancongan meningkatkan ekonomi negara

BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

1.

Setiap sekolah di negara kita pasti menghadapi masalah murid ponteng sekolah. Setiap hari pasti ada murid yang tidak hadir ke sekolah. Masalah ponteng sekolah berlaku kebanyakannya disebabkan pengaruh rakan sebaya dan murid yang tidak mempunyai minat untuk belajar. Murid yang mempunyai masalah keluarga juga berpotensi untuk ponteng sekolah. Masalah ini tidak boleh dibiarkan dan perlu dikekang sejak dari awal lagi.

Sumber: *Internet*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan faktor-faktor yang menyebabkan permasalahan tersebut.

2.

Setelah menempuhi pandemik Covid-19 yang dilihat masih belum berakhir sehingga hari ini, masyarakat diancam pula dengan penyakit berjangkit lain iaitu penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dan influenza (ILI). Ancaman penyakit-penyakit ini sedikit sebanyak menimbulkan kerisauan dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat ekoran kos rawatan yang semakin meningkat.

Sumber : *Sinar Harian*

Merujuk maklumat di dalam petikan, bincangkan cara-cara menjauhi penularan penyakit tersebut.

3.

Perpaduan kaum menjadi elemen penting dalam membentuk sesebuah negara maju. Setiap negara perlu berusaha memastikan perpaduan diwujudkan dalam masyarakat. Oleh itu, semua pihak perlu cakna dalam memastikan perpaduan dapat dikekalkan antara kaum dan bangsa dalam sesebuah negara. Perpaduan bukan sahaja dapat meningkatkan ekonomi negara, malah perpaduan turut meningkatkan imej negara dan dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni.

Sumber : *Dewan Masyarakat, 2023*

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan kepentingan-kepentingan tersebut.

4.

Persepsi golongan muda terhadap bidang pertanian perlu terus diperbaiki bagi meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam bidang itu, sekali gus berupaya untuk memajukan sektor berkenaan. Pelbagai langkah wajar dilakukan untuk menarik minat golongan muda menyertai bidang pertanian termasuklah menjadikan media sosial sebagai saluran dan memberikan khidmat nasihat daripada kerajaan berkaitan bidang tersebut secara meluas.

Sumber : Internet

Selain daripada maklumat di dalam petikan di atas, huraikan langkah-langkah pelbagai pihak bagi menarik minat golongan muda menceburi bidang ini.

KERTAS SOALAN TAMAT